

INOVASI DALAM SUSU IBU MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

NORITA KAMARUDDIN

norita@kuis.edu.my

NORA'INAN BT BAHARI

norainan@kuis.edu.my

AHMAD MISBAH BIN MOHAMAD HILMI

ahmadmisbah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Penyusuan susu ibu adalah merupakan amalan semulajadi bagi seorang wanita yang telah melahirkan bayi. Makanan terbaik untuk bayi seusai lahirnya ke dunia ialah susu ibu. Khasiat susu ibu memang tidak boleh dinafikan bahkan keistimewaan susu ibu turut dirakam di dalam Al-Quran dan As-sunnah. Selari dengan peredaran zaman, susu ibu telah menjadi satu inovasi dalam pelbagai sektor. Perkembangan isu terkini berkaitan dengan inovasi dalam susu ibu perlu diberi kefahaman hukum yang berkaitan kepada masyarakat. Artikel ini bertujuan untuk membuat satu tinjauan awal tentang hukum tentang inovasi susu ibu dalam makanan dan perhiasan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul data melalui buku-buku, kitab-kitab fiqh, jurnal dan media sosial. Di dalam kertas ini akan dijelaskan tentang maksud penyusuan dan pendapat-pendapat fuqaha tentang hukum yang berkaitan dengan inovasi dalam susu ibu. Diharapkan agar artikel ini memberi kefahaman dan input kepada masyarakat tentang hukum yang berkaitan dengan inovasi susu ibu pada masa kini.

Kata kunci : Inovasi, susu ibu, syarak

PENDAHULUAN

Penyusuan merupakan salah satu aspek yang sangat penting bagi bayi yang baru dilahirkan kerana susu ibu adalah makanan utama. Susu ibu terbukti mengandungi banyak khasiat yang dapat menjamin tumbesaran bayi dengan baik dan sempurna dari segi fizikal dan mental. Kesedaran mengenai kepentingan penyusuan kini semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Hal ini amat berbeza jika dibandingkan dengan zaman di mana tahap kesihatan bukan menjadi suatu yang dibahaskan secara saintifik. Pada masa dahulu, isu-isu berbangkit tidak berlaku kerana masyarakat pada ketika itu masih menjaga ibu susuan dan anak yang disusui. Seriring dengan peredaran zaman, inovasi dalam penyusuan terutamanya dalam sektor pemakanan perlu diberi kefahaman terhadap masyarakat agar celik tentang hukum yang berkait dengannya.

Akan tetapi, seiring dengan kemajuan teknologi dan pola pikir manusia yang semakin moden, pada masa yang sama kini telah hadir di tengah-tengah masyarakat kita pelbagai istilah, sama ada berbentuk syar'i ataupun hukum hakam yang perlu di teliti dan di ambil berat dalam pengamalan dan hukumnya. Oleh sebab demikian, seiringnya dengan perkembangan dan kemajuan zaman yang sentiasa berubah dari waktu ke waktu, dari abad ke abad, dari kurun ke kurun dalam aspek kehidupan manusia. Maka dengan banyaknya isu – isu yang hadir pada waktu ini, banyak fatwa-fatwa serta pendapat berbagai sudut pandang setiap para ulama-ulama muta'akhirin yang berbeza-beza.

KEISTIMEWAAN SUSU IBU

Galakan al-Qur'an agar anak diberi susu ibu pasti mempunyai sebab dan hikmah disebaliknya kerana setiap yang diciptakan oleh Allah SWT mempunyai manfaat dan penciptaan tersebut tidaklah sia-sia seperti yang termaktub dalam surah Ali 'Imran ayat 191. Secara umum Allah SWT juga menyatakan kebaikan susu daripada haiwan ternak kepada manusia—seperti mana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 66 dan surah al-Mukminun ayat 21. Malah Allah telah menyediakan di dalam syurga sungai khas yang airnya merupakan susu seperti yang

dinyatakan di dalam surah Muhammad ayat 15. Kajian membuktikan terdapat keistimewaan yang besar di dalam air susu daripada perspektif agama, sains dan sosial (Syamilah Musa et al., 2015).

Sejak bermulanya kehidupan manusia pertama lelaki dan perempuan di dunia ini, pastinya secara fitrah penyusuan susu ibu menjadi satu-satunya cara untuk menyediakan anak yang baru lahir dengan jumlah nutrien yang mencukupi dan berkualiti sebagaimana yang diperlukan untuk tembesaran dan perkembangan anak. Namun fenomena ini tidak berkekalan bermulanya kurun ke-20 ini apabila alternatif yang selamat untuk penyusuan susu ibu ini mula dipasarkan sebagai produk komersial di peringkat antarabangsa. Empat alternatif penyusuan ibu yang utama ialah susu mamalia terubahsuai, susu mamalia tak diubahsuai, susu formula daripada bijirin atau kekacang atau susu ibu daripada laktasi ibu lain (O'Conner, 1998).

Asal Kejadian Susu, Ciri-ciri dan Manfaatnya

Allah SWT telah menyatakan dengan sangat jelas asal usul kejadian susu. Dalam surah al-Nahl ayat 66, Allah SWT menjelaskan dari segi biologinya bahawa air susu terbit daripada makanan yang tercerna dan darah.

Firman Allah SWT:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةٌ تُسْقِيْكُمْ مِّمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمًّا لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّرْبِ بَيْنَ ٦٦

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.”

(Surah al-Nahl, 16:66)

Antara ciri-ciri yang terdapat di dalam air susu seperti yang disebutkan oleh Allah SWT ialah bersih, mudah diminum dan sedap rasanya. Di sini Allah SWT menggambarkan keagungan

ciptaannya terhadap susu. Susu yang terbit daripada hampas makanan dan darah yang merupakan kekotoran dengan bau yang tidak menyenangkan telah menghasilkan susu yang bersih dan sedap rasanya. Berdasarkan ciri-ciri tersebut menggambarkan bahawa susu merupakan suatu nikmat melalui pancaindera yang Allah jadikan untuk manfaat manusia.

S. Freir & A.I. Eidleman (1980) di dalam Syh Noorul Madihah Syed Husin (2018) mengatakan bahawa susu ibu adalah sangat bersih dan bebas bakteria. Seandainya seseorang ibu mempunyai jangkitan, antibodi yang dapat melawan jangkitan tersebut akan hadir di dalam susu ibu. Mereka mendakwa jika seorang bayi kecil yang sering menangis kerana mungkin disebabkan oleh masalah perut kembung, ia akan dapat diatasi sekiranya bayi tersebut disusui dengan susu ibu sepenuhnya pada usia tiga bulan pertama.

Secara umum, Allah SWT memberitahu kepada kita bahawa penciptaan susu mempunyai faedah dan manfaat tersendiri terhadap manusia. Allah menegaskan bahawa manusia beroleh faedah susu yang banyak dan daripada susu juga manusia beroleh rezeki dalam kehidupan mereka. Firman Allah SWT:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَمِ لِعِبَرَةٌ سُسِيقُمْ مَمَّا فِي بُطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنْفَعٌ كَثِيرٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ۖ ۲۱

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan (tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya); Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.”

(Surah al-Mukminun, 23:21)

Dari segi anatomi dan fisiologi badan manusia, susu di payudara wanita dihasilkan oleh kelenjar susu yang terubah suai daripada kelenjar peluh (Leeah Whittier, t.th). Sistem penghasilan susu ibu sehingga keluar melalui puting terdiri daripada cabang-cabang alveoli, kelenjar lobus, saluran laktiferus, rongga laktiferus dan permukaan puting. Alveoli ialah kumpulan sel-sel perembes susu dan bentuknya bercabang-cabang. Cabang-cabang atas alveoli dipanggil tisu glandular (Hartman & Hale 2007). Kumpulan-kumpulan tisu glandular ini pula dipanggil kelenjar lobus. Satu set

kelenjar lobus mengandungi beberapa cabang tisu glandular. Kelenjar lobus yang diibarat sebagai perumah bagi alveoli ini kemudiannya membentuk saluran laktiferus yang memanjang dan saling berhubung (Leeah Whittier, t.th).

Susu yang terhasil di dalam alveoli akan diperah oleh sel myoepithelial yang menyeliputi kelompok alveoli tersebut serta mendorong susu menuju saluran laktiferus dan rongga laktiferus. Dari rongga laktiferus ini, susu akan disedut atau diperah keluar, iaitu sama ada oleh hisapan anak, penggunaan pam, atau proses perahan. Susu kemudiannya keluar dari payudara melalui puting yang terdiri daripada 15 sehingga 20 rongga laktiferus yang terbuka di permukaan puting (Leeah Whittier, t.th).

Alveoli ini boleh berubah-ubah mengikut saiz bergantung kepada jumlah susu dalam lumen alveoli. Kelenjar lobus dikelilingi oleh tisu lemak yang menentukan saiz payudara. Perbezaan saiz payudara tidak menjaskan jumlah susu yang dihasilkan. Peningkatan tahap hormon boleh menyebabkan perkembangan tisu payudara dan pembesaran payudara. Payudara disokong oleh pelbagai kumpulan tisu penghubung yang disebut sebagai ligamen suspensori yang menghubungkan tisu payudara ke lapisan dasar kulit (Leeah Whittier, t.th).

Darah teroksigen dibawa ke payudara melalui salur darah besar bernama *axillary artery* dan seterusnya melalui *lateral thoracic arteries*. Di *lateral thoracic arteries* atau rangkaian saluran kapilari inilah darah tersebut membekalkan oksigen, nutrien, hormon dan substrat untuk keperluan laktosit bagi proses sintesis susu ibu (Neville & Morton, 2001). Manakala saluran limpa yang berhubung di payudara akan mengembalikan cecair menjadi darah dan berfungsi sebagai sistem imun (Geddes et al. 2012; Moore et al. 2009 & ILCA, 2008).

INOVASI DALAM PENYUSUAN

Di dalam Kamus Dewan (2010), inovasi bermaksud sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baru. Inovasi susu ibu atau air susu ibu merujuk kepada sesuatu yang baru yang dihasilkan daripada air susu ibu, sama ada dalam konteks fizikal susu atau

bentuk atau rasa, warna dan sebagainya. Jika dalam bentuk susu formula, inovasi kebiasaananya melibatkan teknologi penghasilan susu formula tersebut. Suatu artikel yang ditulis oleh Lawrence Weld Smith (1924) telah memetik daripada Smith et al., (t.th) bahawa suatu kaedah percubaan mengeringkan air susu ibu dengan proses pengubahsuaian yang diberi nama '*Just-Hatmaker roller process*' telah dibentangkan. Hasrat ini telah pun lama wujud dengan matlamat air susu manusia dapat dipelihara dalam beberapa cara sebagai langkah penyelesaian masalah pemakanan bayi pada masa akan datang (Emerson, 1922). Didatangkan beberapa fakta yang diperolehi hasil daripada inovasi dalam penyusuan masa kini.

1- Air susu ibu dijadikan perhiasan.

Seorang perempuan bernama Bridgette Boudreux yang berasal dari Lake Jackson, Texas telah menemui idea unik itu hasil dari kecintaan yang menyusui anaknya. Bermula dari kecintaannya menyusui anak itu, beliau terfikir untuk menghasilkan perhiasan daripada air susunya.

Ibu yang berusia 24 tahun telah membuat perhiasan pertama untuk dirinya sendiri. Setelah mengiklankan hasil inovasinya di Facebook, beliau telah dibanjiri banyak pesanan. Proses pembuatan perhiasan dari air susu ibu meliputi penambahan pengawet ke dalam susu dan menaruhnya di dalam peti ais selama seminggu. Selepas itu, susu tadi dimampatkan menjadi padat dalam lapisan resin top agar dapat dibentuk dan diwarnai. Hasilnya susu tidak lagi berada dalam bentuk cairan dan tidak akan membusuk atau bau setelah diawetkan. Menurut Boudreux, setiap mutiara air susu ibu berbeza warna berdasarkan air susu corak krim putih susu wanita yang dihasilkan oleh pemesan produk inovasi tersebut. Pesanan mula bertambah setelah diiklankan di JoBri Milk Charms. Pemesan perhiasan air susu ibu datang dari pelbagai negara seperti Indonesia, Kanada, Inggris, Prancis, serta masih banyak lagi negara lain.
<https://jabar.tribunnews.com/2016/01/29/bisakah-air-susu-ibu-dijadikan-perhiasan-ini-buktinya>

2. Cheese Lady Shop

Pada tahun 2011 juga, Miriam Simun seorang artis interdisiplin di New York telah menghasilkan keju daripada susu manusia sebagai salah satu projek seninya. Mahasiswa pascasarjana New York University ini awalnya membuat sampel keju berbahan air susu ibu hasil sumbangan tiga sukarelawan. Sebelum mengolahnya, ia memeriksa air susu ibu tersebut untuk memastikan tak ada bakteri atau sumber penyakit di dalamnya. Selanjutnya dilakukan pasteurisasi.

Ada tiga jenis keju yang ia tawarkan, yaitu West Side Funk, Midtown Smoke, dan Wisconsin Chew. "Ini jauh lebih sehat daripada susu sapi, favorit saya Midtown Smoke," kata Jocelyn James, penikmat keju ASI asal Manhattan. Simun berharap keju yang dihasilkan akan memberi manfaat kepada tubuh manusia secara maksimum. (<https://www.viva.co.id/arsip/218226-nikmati-keju-berbahan-asi>)

3. Aiskrim Royal Baby Gaga

Sebuah restoran The Icecreamists Limited di London, Britain telah menjual aiskrim diperbuat dari susu badan wanita. Restoran tersebut yang terletak di Convent Garden menjual aiskrim pelbagai perisa pada harga £14 (RM68.86) setiap satu dan ia diberi nama Baby Gaga pada tahun 2011.

Wanita-wanita yang membekalkan susu tersebut akan diberi upah mengikut berat timbangan susu mereka. Mengikut laporan, seorang wanita yang mengeluarkan susu badan sebanyak 283.49 gram akan diberikan wang sebanyak £15 (RM73.77). Pihak restoran juga mengeluarkan iklan berkenaan sesiapa yang berminat untuk membekalkan susu badan untuk menghasilkan aiskrim Baby Gaga. Hasilnya hampir 15 orang wanita berani meraih cabaran restoran tersebut dalam mengeluarkan susu badan mereka untuk produk aiskrim Baby Gaga tersebut. Namun, penjualan terpaksa dihentikan buat sementara waktu bagi mendapatkan laporan keselamatan dan kesihatan. (https://en.wikipedia.org/wiki/Baby_Gaga)

TINJAUAN HUKUM INOVASI PENYUSUAN DALAM PEMAKANAN

Persoalan yang ditimbulkan adakah dengan memakan aiskrim Baby Gaga atau produk yang bercampur dengan susu ibu menyebabkan tersabit hukum anak susuan? Untuk menjawab persoalan ini perlulah diketahui beberapa permasalahan yang berkaitan dengan hukum ibu dan anak susuan terlebih dahulu. Hasil temubual yang dijalankan ke atas Prof Dr. Basri (9 Ogos 2019) menjelaskan hukum berkaitan campuran air susu dan bahan lain dalam makanan dan minuman adalah mengikut apa yang mendominasi.

Menurut beliau, berlakunya mahram susuan sama ada dicampurkan dengan makanan yang beku atau minuman yang cair. Berlakunya mahram susuan sama ada dicampurkan dengan makanan yang beku atau minuman yang cair. Tidak kiralah campur tadi, tetapi janganlah campur tu melebihi, biar susu ibu itu yang lebih. Muzakarah juga memutuskan bahawa susu ibu yang bercampur dengan bahan-bahan lain adalah sama seperti susu ibu yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya seperimana pendapat yang rajih daripada ulama mazhab Shafie dan Hanbali.

Hasil daripada temubual juga, beliau menjelaskan hukum inovasi terhadap susu asasnya tidak digalakkan, Perlulah susu ibu asli. Tertakluk kepada *aghlabiyah*, apakah yang lebih dominan. Namun yang keutamaan ialah asli. Susu sama ada cair, beku atau tepung, sekiranya ia datangnya daripada seorang wanita yang telah baligh serta mengenyangkan, maka penyusuan dengan cara ini adalah mensabitkan pengharaman nasab. Serupa dengan susu asli, kerana ia dari susu ibu.

Campuran dengan air yang asalnya tepung, tiada masalah. Sama dengan susu ibu asli. Perubahan fizikal tidak menghalang kepada pensabitan nasab disebabkan penyusuan tetapi dengan syarat air susu ibu tersebut mestilah mendominasi bentuk keadaannya atau mendominasi bahan lain yang ditambah. Sekiranya berubah dengan tiada lagi sifat atau ciri asal air susu ibu, maka ia tidak lagi menyebabkan hukum pensabitan nasab terlaksana.

Maksud Penyusuan

Dari segi bahasa, di dalam bahasa Arab, ia berasal daripada perkataan [ra.dha.'a] yang bermaksud satu nama bagi penghisapan buah dada (al-Marbawi, 1995). Definisi yang diberikan oleh Idris Ahmad (1991) memasukkan sebab dan mengapa penyusuan berlaku dengan menyatakan Ia juga bermaksud proses bagi menghisap air susu seorang wanita untuk menghilangkan dahaga, mengenyangkan dan untuk tumbesaran seperti yang dipetik oleh Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir & Mohd Daud Awang (2018). Di dalam Kamus Dewan (2010), penyusuan ialah perihal (perbuatan) menyusui, sedangkan menyusui ialah memberi minum susu.

Mazhab Syafii yang menjadi pegangan kebanyakan umat Islam di Malaysia menyatakan penyusuan ialah sesuatu perkara yang digunakan untuk memasukkan susu perempuan ke dalam hidangan kanak-kanak yang memberi kesan kepada pembesaran. Mazhab Hanbali berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu secara semula jadi atau alat bantuan minuman kepada sesiapa yang umurnya tidak melebihi dua tahun (al-Sharbini, t.th). Berdasarkan maksud dan takrif yang di atas, dapat dirumuskan bahawa pengertian penyusuan susu ibu ialah memasukkan susu perempuan ke dalam rongga kanak-kanak yang tidak melebihi usia dua tahun.

Unsur-unsur dalam menyabitkan hukum anak susuan ialah ibu susuan, anak susuan dan kadar susu ibu. Hubungan keluarga ibu susuan(suami,anak kandung ibu susuan dan anak susuan yang lain) dengan anak susuan adalah seperti hubungan ibu dan anak kandung dari segi pengharaman perkahwinan dan aurat. Dalil pensyariatan hukum anak susuan :

Menurut Al-Quran

قوله تعالى : ((حُرِّمَ عَلَيْكُمْ أَمْهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعُمْتُكُمْ وَخَلَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخْ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأَمْهَاتُكُمْ
الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَتُكُمْ مِنِ الرُّضَاعَةِ)) – النساء : 23

Maksudnya:

“Diharamkan kepada kamu berkahwin Dengan (perempuan-perempuan Yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-b,mzanak saudara kamu Yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu Yang perempuan, dan ibu-ibu kamu Yang telah menyusukan kamu”

(Surah An-Nisa' : 23)

Manakala dalil dari sumber hadis ialah:

عن عائشة رضي الله عنها قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "يحرم من الرضاعة ما يحرم من النسب

Maksudnya :

Dari Aisyah r.a bahawa Nabi SAW bersabda:
"Diharamkan dari penyusuan apa yang yang diharamkan dari kelahiran".

(Riwayat Al-Bukhari, No Hadis 5239)

Hukum Susuan Dari Susu Ibu Yang Telah Diperah Ke Dalam Bekas

Dalam hal ini, terdapat perselisihan ulama' dalam menyabitkan hukum susuan dari susu ibu yang telah diperah ke dalam bekas.

Pendapat pertama merupakan pendapat Daud az-Zohiri dan Ibnu Hazm Az-Zohori (Abu Yusuf. 2015) menjelaskan sabit hukum susuan hanya jika menyusu terus dari buah dada ibu sahaja, adapun jika diperah ke dalam bekas dan meminum dari bekas tidak sabit hukum susuan. Berdalilkan zahir lafaz الرضاعة (penyusuan) di dalam firman Allah SWT:

وأمهاتكم التي أرضعنكم وأخوتكم من الرضاعة

Maksudnya :

...dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu....

(An-Nisa' : 23)

Lafaz 'الرضاعة' bermaksud minum susu dari buah dada ibu.

Pendapat kedua merupakan pendapat jumhur fuqaha', muhaddisin dan mufassirin (al-Kasani. 1986) mensabitkan hukum penyusuan sama ada meminum susu dari buah dada ibu ataupun diperah ke dalam bekas lalu meminumnya, atau dituang melalui hidung terus masuk ke perutnya,

kesemuanya sabit hukum susuan kerana tercapai maksud iaitu kenyang dari susu ibu. Berdasarkan hadis Ummu salamah:

عن أم سلمة رضي الله عنها قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "لا يحرم من الرضاع إلا ما فتق الأمعاء وكان قبل الفطام"

Maksudnya :
“Tidak diharamkan (tidak sabit pengharaman) dari penyusuan melainkan apa yang mengenyangkan perut dan adalah sebelum *fitom* (tempoh masa penyusuan yang ditetapkan syara’).”

(Riwayat at-Tirmizi, No Hadis 458)

Maka kenyang terhasil sama ada dengan meminum terus dari buah dada ibu dan kaedah-kaedah yang lain.

Kaedah Mensabitkan Nasab Melalui Susuan

Dalil sabit hukum penyusuan kepada anak kecil sahaja. Dan ini adalah pendapat jumhur sahabat r.a. dan jumhur ulama’. Firman Allah SWT:

قوله تعالى : ((والوالدات يرضعن أولادهن حولين كاملين ملئ أراد أن يتم الرضاعة)) – البقرة : 233

Maksudnya :

“ Dan ibu-ibu hendaklah menyusui anak-anaknya selama dua tahun penuh, bagi yang ingin menyusui secara sempurna”.

(Surah Al-Baqarah 233)

Ulama menerangkan kalimah "حول" boleh membawa dua maksud iaitu . ناقص كامل atau Namun, dalam Al-Quran disebut " حولين كاملين " maka ulama' berpendapat hukum sabit penyusuan kepada anak kecil adalah dengan menyusukannya sebelum sampai umurnya dua tahun.

Menurut hadis Aisyah r.a:

عن عائشة رضي الله عنها أنها قالت: دخل علي رسول الله صلى الله عليه وسلم وعندي رجل قائد، فاشتد ذلك عليه

ورأيت الغضب في وجهه، قالت: فقلت: يا رسول الله انه أخبي من الرضاعة. قالت: فقال: ((انظري اخوكن من الرضاعة، فانما الرضاعة من الجماعة)).

Maksudnya:

“Dari Aisyah Radiallahuanhu berkata: Telah masuk kepadaku rasulullah s.a.w dan disisiku ada seorang lelaki sedang duduk, maka ia mengejutkan baginda s.a.w dan aku melihat kemarahan di wajahnya. Aisyah r.a berkata: Aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w, sesungguhnya dia adalah saudaraku dari penyusuan, lalu baginda s.a.w bersabda: “Perhatikanlah siapa saudaramu dari penyusuan, sesungguhnya penyusuan itu dari majaa’h”(kanak-kanak yang hanya meminum susu untuk menghilangkan kelaparannya)”

(Riwayat Muslim. No Hadis 170)

Ditafsirkan "الجماعه" disini sebagai kanak-kanak sebelum berusia 2 tahun, iaitu kanak-kanak yang hanya bergantung kepada susu ibu sahaja, tidak akan kenyang dengan makanan selain darinya.

Hukum Susu Ibu Yang Bercampur Dengan Bendasing Lain

Terdapat beberapa pendapat ulama' tentang susu ibu yang dicampur dengan bendasing lain. Antaranya ialah :

Imam Malik (al-Marghiani .t.th) menyatakan bahawa hukum pengharaman dalam campuran susu ibu dengan bendasing lain diambil melalui peratus kandungan bahan yang tertinggi dalam mensabitkannya, jika susu yang tertinggi sabit pengharaman, jika susu yang terendah tidak sabit.

Al-Hanafiyyah pula telah membahagikan hukum kepada tiga keadaan, antaranya :-

- a) Jika susu ibu yang bercampur dengan air, dan susu itu yang lebih banyak, maka sabit pengharaman. Adapun jika air lebih banyak tidak mensabitkan sepertimana pendapat Imam Malik.
- b) Jika susu ibu yang bercampur dengan bendasing lain seperti makanan terdapat beberapa pandangan iaitu menurut Abu Hanifah r.a hukumnya tidak sabit pengharaman secara mutlak

manakala Sohibain (Abu Yusuf dan Muhammad Al-Hanafiyyah) r.a berpandangan ia dikira mengikut peratusan kandungan bahan yang terbanyak sama seperti hukum bercampur dengan air.

c) Hukum susu ibu yang bercampur dengan susu pempuan lain menurut Abu Hanifah dan Abu Yusuf r.a sabit pengharaman kepada siapa yang susunya lebih banyak. Menurut Imam Malik, Muhammad dan Zufar dari Al-Hanafiyyah r.a hukumnya sabit pengharaman kepada kedua-dua wanita tersebut.

Menurut as-Syafiyyah dan Al-Hanabilah (az-Zuhaili. 2011) dalam pendapat yang rajih ialah susu yang bercampur dengan bendasing lain adalah seperti hukum susu yang bersih dari percampuran kerana terhasil maksud iaitu susu sampai ke dalam perut.

KESIMPULAN

Hasil daripada perbahasan di atas hukum ke atas aiskrim Baby Gaga ini boleh dipertimbangkan daripada sudut :

a) Peratusan tertinggi kandungan bahan-bahan aiskrim.

Secara amnya, aiskrim moden komersil dibuat daripada campuran bahan berikut iaitu, 10-16% lemak susu, 9-12% susu pejal tanpa lemak: komponen ini, juga dikenali dengan serum pejal, mengandung protein (casein dan whey protein) dan karbohidrat(laktosa) ditemukan dalam susu, 12-16% pemanis: biasanya gabungan sukrosa dan/atau pemanis sirap jagung berdasarkan-glukosa, 0.2-0.5% penstabil dan pengemulsi seperti contoh agar atau carrageenan yang diambil dari rumpai laut, 55%-64% air yang berasal dari susu padat atau bahan lainnya.

b) Campuran ini didinginkan dengan mengacau sambil dikurangkan suhunya untuk mencegah pembentukan kristal ais besar. Secara tradisi, suhu dikurangkan dengan meletakkan campuran aiskrim ke sebuah bekas yang dimasukkan ke dalam campuran ketulan ais dan garam. Garam membuatkan air dapat berada di bawah titik beku air tulen.

Oleh itu, boleh disimpulkan kaedah yang digunakan untuk menghasilkan aiskrim adalah dengan pencampuran semua bahan secara keseluruhan. Maka berdasarkan perbahasan-perbahasan yang berkaitan di atas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa ais krim baby gaga ini tidak mensabitkan pengharaman perkahwinan dan aurat dalam pendapat yang sohih, berdasarkan beberapa faktor:

- 1-Nisbah susu di dalam aiskrim amatlah sedikit sekali, dan apabila telah dicampurkan dengan bahan-bahan asas aiskrim yang lain dan dimasak maka menghilangkan unsur-unsur susu tersebut. Dan ini adalah pendapat yang rajih iaitu mazhab Al-Hanafiyyah dan Al-malikiyyah.
- 2-Umur yang sabit pengharaman dalam pendapat yang rajih oleh jumhur ulamak adalah di bawah dua tahun, dan tidak pada orang dewasa, dan diketahui bahawa bayi dua tahun kebawah tidak diberi makan aiskrim.
- 3-Susu badan tersebut dijual oleh ramai wanita dan kebanyakannya tidak mendedahkan identiti mereka, maka dengan sebab-sebab diatas dan ditambah pula akan menyebabkan kemudharatan dalam masyarakat pada masa akan datang, ais krim baby gaga tidak mensabitkan pengharaman secara mutlak walaupun dimakan oleh kanak-kanak.

Umat Islam amat menitik beratkan masalah umatnya khususnya dalam bab keturunan, oleh itu dibenarkan mengambil ibu susuan bagi ibu yang tidak mampu menyusukan anaknya untuk memastikan bayi tersebut dapat membesar dengan baik. Namun, pensabitan ibu susuan tidak harus dipandang remeh kerana ia melibatkan lebih banyak hukum cabang daripadanya, antaranya pengharaman pernikahan antara keluarga susuan dengan anak susuan, hukum aurat dan sebagainya. Dikhawatiri jika perkara ini tidak diteliti akan menyebabkan kemudharatan yang lebih besar iaitu keceluaran keturunan dan perkara ini ditegah dalam Islam.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Al-Hadis

Al-Syarbini, Syamsu al-Din Muhammad bin al-Khatib. (t.th). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfazi al-Minhaj*. Juz 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Abu Yusuf, Ali Bin Ahmad. *al-Muhalla bi Athar*, 2015. Jil 9. Beirut. Darul Kutub al-Ilmiah.

Al-Marbawi, Muhammad Idris bin Abdul Rauf. 1995. Kamus Idris al-Marbawi. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man.

Al-Kasani, Abu Bakar Bin Ahmad. 1986. *Bada'i' as-Sonai' fi Tartib as-Syarai'*. Cet2 Jil. 4. Beirut. Darul Kutub al-Ilmiah.

Al-Marghiani, Ali Bin Abu Bakar. t.t.h. *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi'*. Pakistan : Idaratul Quran wa Ulum Islami.

Emerson, P. W. 1922. The Collection and the Preservation of Human Milk. Preliminary Report. *J. Am. Med. Assn.* Ixxviii. 641.

Geddes DT, Aljazaf KM, Kent JC, Prime DK, Spatz DL, Garbin CP, Lai CT & Hartmann PE. 2012. Blood Flow Characteristics of the Human Lactating Breast. *J. Hum Lact.* 28:145.

Hartmann, P. & Hale, T. 2007. *Textbook of Human Lactation*. Amarillo, Texas: Hale Publishing.

Idris Ahmad. 1991. *Fiqh Syafie*. Cet. 2. Jil. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Kamus Dewan. 2006. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. 2010. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leeah Whittier. t.th. *Anatomy & Physiology*. Pnyt. Lindsay M. Biga et al. Oregon State University: Open Oregon State.

Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir & Mohd Daud Awang. 2018. Penyusuan Kanak-kanak Melebihi Usia Dua Tahun: Status Anak Angkat Menjadi Anak Susuan. *Jurnal AL-ANWAR*. 10(12). (t.tp): Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT).

Neville MC. & Morton J. 2001. Physiology and Endocrine Changes Underlying Human Lactogenesis II. *J. Nutr.* 131: 3005S–3008S.

O'Conner, E. M. 1998. Breastfeeding basics. *Breastfeeding benefits & barriers*. Pautan dari <http://breastfeedingbasics.org/cgi-bin/deliver.cgi/content/Introduction/history.html>

Smith, L. W., & Emerson, P. W. t.th. Notes on the Experimental Production of Dried Breast Milk.
Boston Med. and Surg. J. t.tp:t.pt.

Syamilah Musa, Azimah Mohd Masri dan Mohd. Norzi Nasir. 2015. *Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam*. Prosiding Seminar World Academic and Research Congress 2015. YARSI University, Jakarta. 9th-10th December 2015.

Syh Noorul Madihah Syed Husin. 2018. Cabaran Wanita Dalam kerjaya dalam Memenuhi Anjuran Penyusuan Susu Ibu dalam Al-Quran, Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari (International Seminar on al-Quran in Contemporary Society)

Wahbah az-Zuhaili. 2011. *Al-Fiqhu Islamiyy wa Adillatuh*. Jil 7. Damsyik : Dar Fikr.

<https://jabar.tribunnews.com/2016/01/29/bisakah-air-susu-ibu-dijadikan-perhiasan-ini-buktinya>

<https://www.viva.co.id/arsip/218226-nikmati-keju-berbahan-asi>

https://en.wikipedia.org/wiki/Baby_Gaga

[Temubual. Prof Dr Basri Ibrahim \(9 Ogos 2019\) Universiti Islam Malaysia.](#)